



LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA

IKLAN:

Ruj.: Bil. (1) I / AKUAKULTUR / 2021

PELAWAAN PERMOHONAN PAJAKAN TANAH KOSONG DI KAWASAN AKUAKULTUR, MUKIM TANJUNG SURAT, KOTA TINGGI, JOHOR.

1.0 MAKLUMAT AM

1.1 Lokasi/No. Plot/Keluasan (ekar)

BIL	LOKASI	NO. PLOT	KELUASAN (EKAR)
1	Sungai Lebam	PTD 1342 HS (D)13607	50.00

1.2 Lokasi adalah sebagaimana bertanda merah dalam pelan di **LAMPIRAN 1**.

2.0 SYARAT-SYARAT DAN BAYARAN-BAYARAN

2.1 Permohonan adalah dibuka kepada pemohon **SYARIKAT** bertaraf Bumiputera / Bukan Bumiputera;

2.2 Tempoh pajakan tanah akuakultur adalah selama **tiga puluh (30) tahun**;

2.3 Kadar bayaran pajakan tanah adalah sebanyak **RM14,000.00/ekar/30 tahun** sepertimana berikut;

BIL	NO TANAH	BAYARAN PAJAKAN (RM)
1	PTD 1342 HS (D) 13607	RM700,000.00

- 2.4 Kadar bayaran premium iaitu bayaran Notis 5A Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 perlu dijelaskan oleh pihak syarikat kepada Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) sepertimana berikut;

BIL	NO. TANAH	BAYARAN PREMIUM (RM)
1.	PTD 1342 HS (D) 13607	RM26,613.00

- 2.5 Bayaran cukai tanah perlu dijelaskan oleh pihak syarikat di Pejabat Tanah Daerah Kecil Pengerang, Johor atau pembayaran boleh dibuat secara On-Line (Sila layari JOHOR E-PAYMENT PORTAL), tunai, kad kredit / debit tempatan, cek, bank deraf, kiriman wang atau wang pos keatas nama **PENTADBIR TANAH** (di mana pembayaran dibuat) sebelum 31 Mei setiap tahun bermula dari pendaftaran hakmilik diperolehi;
- 2.6 Pihak Syarikat hendaklah melantik sendiri Jurukur Berlesen bagi tujuan kerja-kerja ukur dan pendaftaran hakmilik serta menanggung kos tersebut sepenuhnya;
- 2.7 Lain-lain Bayaran iaitu bagi kos 'endorsan' dan perjanjian pajakan adalah perlu ditanggung oleh pihak syarikat;
- 2.8 Tanah yang terkandung dalam hakmilik hendaklah digunakan sebagai tapak akuakultur sahaja. Aktiviti selain daripada ternakair adalah **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali dan sebarang pertukaran syarat guna tanah adalah perlu mendapatkan kelulusan secara bertulis daripada pihak KEJORA.
- 2.9 Pengusaha **TIDAK DIBENARKAN** untuk menyewakan atau memajak kecil kepada pihak lain.
- 2.10 Prosedur *Corruption Risk Management* (CRM) iaitu Tindakan Kawalan dan Penguatkuasaan Pajakan adalah digunapakai bagi tawaran pajakan tanah akuakultur ini.

- 2.11 Pihak syarikat akan mengambil pekerja-pekerja rakyat Malaysia daripada peringkat eksekutif dan teknikal kepada peringkat pengurusan dan harus memastikan minimum 20% dari jawatan-jawatan yang ada dipenuhi oleh Bumiputera dan gaji serta lain-lain ganjaran yang dibayar atau disediakan hendaklah sama bagi tiap-tiap peringkat jawatan tidak mengira rupa bangsa.
- 2.12 Pegangan saham syarikat mestilah dikekalkan pada kadar 60% pemilikan Bumiputera.
- 2.13 Pihak syarikat **TIDAK DIBENARKAN** untuk memindahmilik atau menjual atau menukar pegangan saham atau ekuiti syarikat kepada mana-mana pihak **tanpa** mendapat kebenaran bertulis daripada KEJORA terlebih dahulu. Pelanggaran kepada syarat ini membolehkan tawaran pajakan tanah ini dibatalkan.

3.0 PERMOHONAN

- 3.1 Permohonan adalah perlu dikemukakan melalui Borang Permohonan yang boleh diperolehi secara percuma melalui kaedah berikut:
- i) muat turun Borang Permohonan dari laman web KEJORA: www.kejora.gov.my
ATAU
 - ii) e-Borang di pautan:
<https://forms.gle/7oRNkbLd9oRDkSPHA>
ATAU
 - iii) Dapatkan Borang Permohonan di alamat berikut:

**BAHAGIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI,
LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA,
BANGUNAN IBUPEJABAT KEJORA,
JALAN DATO' HJ. HASSAN YUNUS,
BANDAR PENAWAR,
81930 BANDAR PENAWAR,
JOHOR.**

- 3.2 Dokumen-dokumen lain yang perlu disertakan bersama-sama Borang Permohonan adalah sepertimana berikut:
- i. Salinan Kad Pengenalan
 - ii. Salinan Penyata Akaun Bank (terkini)
 - iii. Kertas Kerja Cadangan Pembangunan Projek
 - iv. Dokumen-dokumen syarikat:
 - a. MAA Syarikat
 - b. Borang 9
 - c. Borang 13, sekiranya perlu
 - d. Borang 24
 - e. Borang 44
 - f. Borang 49
 - g. Salinan Sijil Saham
- 3.3 Permohonan yang lengkap perlulah dikembalikan kepada alamat diatas.
- 3.4 Tarikh tutup permohonan adalah pada **22 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

Sekian, terima kasih.

Pengurus Pertanian dan Industri Asas Tani,
Lembaga Kemajuan Johor Tenggara,
b.p. Pengurus Besar KEJORA

Tarikh Iklan : 24 OKTOBER 2021 (AHAD)

